



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5/3/2013

## Pencerobohan tanda protes perjanjian damai

BH-5/3/2013

**Bangi:** Pencerobohan kumpulan yang mendakwa tentera Kesultanan Sulu dipercayai bukan semata-mata untuk menuntut Lahad Datu malah lebih kepada tanda protes terhadap perjanjian damai antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro, (MILF), tahun lalu.

Malah, Kesultanan Sulu itu secara teorinya tidak mempunyai hak untuk menuntut Sabah kerana pada 1962 Sultan Sulu ketika itu, Sultan Ismail

Kiram sudah menyerahkan kuasa tuntutan kepada Kerajaan Filipina.

Pensyarah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Zaini Othman, berkata pencerobohan itu juga adalah untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa dengan menganggap mereka terpinggir daripada perjanjian damai itu.

"Mereka dilihat kecewa tidak, termasuk dalam perjanjian berkenaan dengan menganggap Barisan Pembebasan

Kebangsaan Moro (MNLF) di bawah pimpinan Nur Misuari berhak turut serta," katanya dalam Siri Wawancara Institut Kajian Etnik (KITA) anjuran bersama Majlis Profesor Negara (MPN) di Universiti Kebangsaan Malaysia, semalam.

Zaini berkata, kerajaan juga amat berhati-hati menangani isu itu kerana ia amat rumit dan adalah lebih baik diselesaikan dengan rundingan secara aman tanpa pertumpahan darah.

"Ruang rundingan sentiasa terbuka, dan tiada konflik yang tidak boleh diselesaikan kerana tidak boleh membiarkan nyawa orang tidak berdos menjadi mangsa dan peperangan bukan jalan penyelesaian," katanya.

Selain itu, Zaini berkata, kerajaan perlu mewujudkan satu unit khas bagi mengkaji sejarah persempadanan negara ini kerana maklumat mengenai amat sedikit dan tidak jelas.